



Kargo Marin

## Legal Shield bagi Kargo Marin

### MANFAAT PERLINDUNGAN

Pertikaian Kontrak Komersial

Pembelaan sebarang pertikaian atau tindakan guaman yang dibuat oleh anda atau terhadap anda berkaitan kontrak atau kontrak yang kongonnya wujud dalam penjualan, pembelian atau penyewaan barang atau perkhidmatan yang disediakan

Terma-terma

- Tuntutan Legal Shield ini terhad kepada RM25,000 setiap penghantaran/sijil marin
- Untuk sebarang tuntutan Kargo Marin, bahagian bersama sebanyak 20% akan ditanggung oleh pemegang polisi, terguna-pakai bagi setiap tuntutan
- Manfaat perlindungan ini hanya terhad untuk pemegang-pemegang polisi Kargo Marin

FAQ: Legal Shield Kargo Marin

Senario Potensi Tuntutan:

- Seorang pengekspor yang juga merupakan seorang ahli perniagaan mempunyai kontrak jualan dengan pembeli warga asing. Pengekspor tersebut berjaya menghantar barang-barang yang diminta oleh pembeli warga asing itu dalam keadaan yang baik dan menepati perjanjian kontrak yang dipersetujui bersama. Malangnya, pembeli tersebut gagal melunaskan bayaran setelah proses penghantaran selesai. Pengekspor kemudiannya telah menggunakan polisi ini untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pembeli dan akhirnya, beliau berjaya mendapatkan bayaran seperti yang dinyatakan di dalam kontrak.
- Seorang pengekspor yang merupakan seorang ahli perniagaan dan juga pembekal sayur telah menandatangani kontrak logistik dengan syarikat servis penghantaran barangan. Syarikat penghantaran barangan tersebut telah gagal memenuhi beberapa syarat seperti yang dinyatakan di dalam kontrak iaitu termasuk kegagalan menyediakan jaring untuk melindungi barang-barangnya daripada rosak. Akibat daripada kecualian syarikat penghantaran barangan semasa proses penghantaran berlaku telah menyebabkan kerosakan kepada barangan tersebut. Pengekspor kemudian menggunakan polisi ini dan menyakinkan pihak mahkamah bahawa insiden yang berlaku telah menyebabkan beliau mengalami kerugian kewangan kerana pelanggan beliau enggan membuat pembayaran apabila mendapatkannya barang yang diterima berada dalam keadaan yang tidak memuaskan.
- Seorang pemilik perniagaan yang merupakan pembeli dan pengimpor telah membuat pembayaran deposit untuk penghantaran buah-buahan segar. Walaubagaimanapun, pesanan buah-buahannya gagal dihantar oleh penjual seperti yang ditetapkan di dalam kontrak. Buah oren mandarin yang dipesannya hanya diterima selepas sambutan perayaan Tahun Baru Cina, dimana permintaan untuk buah-buahan tersebut tidak lagi mendapat sambutan yang banyak daripada pelanggan. Akibat daripada kelewatan penghantaran, pemilik perniagaan tersebut enggan melunaskan baki pembayaran. Justeru itu, penjual buah-buahan tersebut telah mengambil tindakan mahkamah bagi menuntut bayaran penuh daripada pemilik perniagaan. Sebagai pemegang polisi Legal Shield, pemilik perniagaan berjaya membayar kos guaman bagi membela tuntutan yang dibuat terhadapnya dan dapat berunding dengan kos pembayaran yang lebih rendah kepada penjual.

Untuk maklumat lanjut mengenai senario tuntutan, sila rujuk laman web kami di [www.libertyinsurance.com.my](http://www.libertyinsurance.com.my)

**IBU PEJABAT**  
Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)  
Dahulunya dikenali sebagai AmGeneral Insurance Berhad

Corporate Tower 9, Level 13A, Pavilion Damansara Heights, 3 Jalan Damanlela, 50490 Kuala Lumpur  
Tel: 1 300 88 8990



## LEGAL SHIELD

# Insurans Polisi Pembiayaan Guaman

### PERLINDUNGAN INSURANS YANG TERKANDUNG KHUSUSNYA UNTUK POLISI-POLISI INI:

#### Ahli PIDM

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (lajari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).



BizCare / Kebakaran



Pemilik Rumah



Isi Rumah



Kargo Marin

Hubungi ejen Liberty General Insurance Berhad untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai polisi insurans ini

Penafian:  
Perlindungan yang diberikan adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di dalam polisi anda.  
Untuk maklumat lanjut, sila rujuk laman web kami di [www.libertyinsurance.com.my](http://www.libertyinsurance.com.my)

Talian Khidmat Pelanggan: 1 300 88 8990

[www.libertyinsurance.com.my](http://www.libertyinsurance.com.my)



BizCare

## Legal Shield bagi BizCare/Kebakaran

### MANFAAT PERLINDUNGAN

Pertikaian Kontrak Komersial	Pertikaian antara pembekal dan pelanggan berkaitan kontrak penjualan atau pembekalan barang dan perkhidmatan
Pendakwaan Jenayah	Pembelaan terhadap pendakwaan ke atas anda di mahkamah bidang kuasa jenayah
Pertikaian Pekerjaan	Perbelaan pertikaian dengan baka pekerja, pekerja semasa atau bekas pekerja berkaitan dengan kontrak pekerjaan mereka, atau mana-mana undang-undang berkaitan pekerjaan
Pertikaian Hartanah	Tindakan atau pembelaan terhadap pertikaian ke atas pemilikan harta tanah anda, termasuk perjanjian sewa serta dakwaan kecualian, kerosakan atau gangguan ke atas harta anda
Perlindungan Data	Pembelaan tuntutan yang timbul daripada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010
Lesen Berkunun	Mengambil tindakan terhadap bekas pekerja kerana melanggar syarat batasan halang solisitasi

#### Terma-terma

- Perlindungan Legal Shield terhad kepada RM100,000 bagi mana-mana satu tuntutan/dalam mana-mana satu tahun, yang mana lebih awal
- Manfaat perlindungan ini hanya terhad kepada pemegang polisi BizCare

#### FAQ : Legal Shield bagi BizCare/Kebakaran

##### Senario Potensi Tuntutan:

###### i. Pertikaian Kontrak – dengan pelanggan

Seorang pemilik perniagaan bersetuju untuk mengendalikan barang bagi pihak pelanggan barunya. Daripada proses penyimpanan di dalam gudang sehingga pengesahan penghantaran telah diaturkan dengan rapi dan barang juga telah dihantar dalam keadaan yang baik dan tepat pada waktu yang ditetapkan. Walaubagaimanapun, pelanggan tersebut telah gagal melunaskan pembayaran penuh dalam tempoh yang ditetapkan dan enggan membuat pembayaran walaupun beberapa peringatan telah diberikan kepada beliau atas alasan bahawa barang yang diterima olehnya diantar dalam keadaan yang mengecewakan. Mujur, pemilik perniagaan menyimpan segala bukti yang menyatakan bahawa pelanggan itu telah mengakui menerima barang yang diantar dalam keadaan baik dan justeru itu, pemilik perniagaan menuntut agar pelanggan menjelaskan pembayaran atau tindakan mahkamah akan diambil.

Walaubagaimanapun, pemilik perniagaan tersebut masih tidak merima bayaran daripada pelanggannya itu. Oleh yang demikian, beliau telah menggunakan polisi Legal Shield untuk membuat tuntutan terhadap pelanggan tersebut serta memperkuatkuasakan kontrak di mahkamah. Kos guaman yang harus ditanggung oleh beliau sebanyak RM 51,000 telah dibayari oleh perlindungan Insurans Legal Shield.

###### ii. Pertikaian Kontrak – dengan pembekal

Pemilik perniagaan telah membeli dua buah trak fokrif untuk gudang barunya. Dalam hanya tempoh 6 bulan penggunaan, salah satu fokrif telah mengalami masalah gear yang menyebabkan kenderaan tersebut tidak boleh bergerak. Aduan telah dibuat kepada pembekal kenderaan tersebut, walaubagaimanapun, pembekal tersebut enggan bertanggungjawab dan mendakwa punca kerosakan itu disebabkan oleh pemandu yang kurang mahir mengendalikan kenderaan tersebut.

Pemilik perniagaan tidak bersetuju dengan tuduhan pembekal tersebut dan beliau telah mengambil tindakan mahkamah dan menuntut pembekal kenderaan tersebut bertanggungjawab memperbaiki dan mengantikan trak yang telah rosak itu. Kos guaman sebanyak RM42,000 telah ditanggung oleh perlindungan polisi Legal Shield kerana beliau merupakan pemegang polisi insurans Legal Shield. Selain itu, beliau juga berjaya mendapatkan penyelesaian di luar mahkamah yang menanggung penuh kos pembaikan trak fokrif tersebut.

###### iii. Pendakwaan Jenayah

Seorang pemilik perniagaan menerima notis saman daripada pihak polis selepas salah seorang pekerjaanya ditahan oleh pihak berkuasa semasa mengendalikan lori syarikat kerana didakwa membawa had muatan yang berlebihan. Pemilik perniagaan tersebut telah didakwa dan kes itu telah dibawa ke mahkamah. Walaubagaimanapun, mahkamah telah memutuskan bahawa pemilik perniagaan itu tidak bersalah setelah peguamnya berjaya membuktikan bahawa lori tersebut tidak membawa had muatan yang berlebihan dan tidak melanggar peraturan yang ditetapkan. Sebagai pemegang polisi, jumlah RM 36,000 daripada kos guaman beliau telah ditanggung oleh perlindungan insurans Legal Shield.

Untuk maklumat lanjut mengenai senario tuntutan, sila rujuk laman web kami di [www.libertyinsurance.com.my](http://www.libertyinsurance.com.my)



## Legal Shield bagi Pemilik Rumah/Isi Rumah

### MANFAAT PERLINDUNGAN

Perlindungan Kecederaan Diri	Tindakan undang-undang yang diambil berkaitan dengan situasi atau peristiwa yang menyebabkan kecederaan atau kematian kepada anda dengan syarat kecederaan atau kematian berlaku adalah akibat daripada situasi atau kejadian yang secara luar jangkaan dan spesifik
Pertikaian Pekerjaan	Mengambil tindakan undang-undang yang timbul daripada atau berkaitan dengan kontrak atau pekerjaan anda sebab pekerja
Pertikaian Kontrak	Mengambil tindakan undang-undang atau membuat pembelaan terhadap sebarang pertikaian atau prosiding undang-undang yang dibuat oleh anda atau terhadap anda atau berkaitan kontrak untuk penjualan, pembelian atau penyewaan barang atau perkhidmatan yang disediakan
Pertikaian Hartanah	Meliputi kos pembiayaan guaman yang ditanggung untuk sebarang pertikaian atau prosiding undang-undang yang dibuat oleh anda atau terhadap anda, dengan syarat anda akan mengalami kerugian kewangan sekiranya anda gagal untuk mengambil tindakan atau membuat pembelaan terhadap pertikaian atau prosiding undang-undang tersebut
Pembelaan Guaman	Meliputi perbelanjaan guaman yang ditanggung dalam pembelaan pendakwaan terhadap anda di mahkamah bidang kuasa jenayah yang timbul daripada penjualan atau pembekalan barang milik persendirian

#### Terma-terma

- Tuntutan Legal Shield ini terhad kepada RM100,000 dari mana-mana satu tuntutan/agregat dalam satu (1) tahun, yang mana terdahulu
- Fasal lebihan adalah RM1,000 yang akan ditanggung oleh pemegang polisi, terguna-pakai bagi setiap tuntutan
- Manfaat perlindungan ini hanya terhad kepada pemegang-pemegang polisi Pemilik Rumah/Isi Rumah

#### FAQ : Legal Shield bagi Pemilik Rumah/Isi Rumah

##### Senario Potensi Tuntutan:

###### i. Perlindungan Kecederaan Diri

Seorang usahawan telah terlibat dalam kemalangan ketika beliau sedang menaiki teksi menuju ke lapangan terbang. Oleh itu, beliau tidak dapat bekerja selama 4 bulan akibat daripada kecederaan kaki yang parah.

Memandangkan beliau bekerja sendiri dan kemalangan yang terjadi telah mengakibatkan beliau hilang sumber pendapatan sepanjang tempoh 4 bulan tersebut, beliau telah menggunakan polisi Insurans Legal Shield untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap syarikat teksi yang mengakibatkan kecederaan beliau untuk menuntut pampasan.

###### ii. Pertikaian Pekerjaan

Seorang pekerja yang setia telah berkhidmat di kilang yang terletak di Johor selama lebih daripada 20 tahun. Berikutnya masalah perniagaan yang dihadapi oleh kilang tersebut, pemiliknya terpaksa mengurangkan tenaga kerja demi kestabilan perniagaan. Pekerja tersebut telah ditamatkan perkhidmatannya sementara pekerja-pekerja lain yang baru bekerja di kilang tersebut tidak diberhentikan perkhidmatan mereka.

Berikutnya pemecatannya, beliau merasakan beliau perlu mengambil tindakan undang-undang untuk membela haknya sebagai seorang pekerja. Beliau berjaya menggunakan polisi ini untuk membayar kos guamannya dan memperolehi ganti rugi yang besar daripada bekas majikannya.

###### iii. Pertikaian Kontrak

Satu pasangan yang baru berkahwin telah membuat keputusan untuk berpindah ke rumah baru dan bersetuju untuk menjual beberapa perabot mereka yang besar dan mahal menerusi internet. Gambar serta ukuran sebenar barang jualan telah disediakan dan dipaparkan dengan jelas di dalam internet untuk rujukan pembeli.

Selepas proses jual beli berlaku, pertikaian timbul berkaitan pengukuran barang pembelian kerana pembeli mendakwa barang-barang yang dibelinya tidak muat untuk dimasukkan ke dalam kediamannya dan oleh itu, beliau menuntut bayaran penuh. Pasangan yang menjual barang tersebut walaubagaimanapun enggan membayar jumlah tuntutan yang diminta oleh pembeli kerana barang tersebut telah dijual dalam keadaan dan keterangan yang sama seperti yang dipaparkan di dalam gambar.

Sebagai pemegang polisi, mereka bernasih baik kerana Legal Shield berjaya membayai kos guaman sebanyak RM5,000 yang ditanggung sepanjang proses pembelaan berikut tindakan undang-undang yang diambil oleh pembeli terhadap mereka.

Untuk maklumat lanjut mengenai senario tuntutan, sila rujuk laman web kami di [www.libertyinsurance.com.my](http://www.libertyinsurance.com.my)